

Ambil kira sensitiviti rakyat

■ Bantu golongan berpendapatan rendah atasi peningkatan kos sara hidup

Oleh Intan Mas Ayu Shahimi

imas@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penyesuaian semula Bajet 2016 yang akan diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, Khamis ini perlu mengambil kira sensitiviti rakyat terutama kelompok berpendapatan rendah.

Pakar Kewangan Pengguna dari Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, rakyat kian terkesan dengan peningkatan kos sara hidup dan mungkin tidak mampu lagi untuk menyerap lebih banyak bebanan pada masa depan.

“Secara amnya, Bajet 2016 yang dibentangkan PM (Perdana Menteri) Oktober lalu disifatkan kebanyakan pihak sebagai menyeluruh, realistik, seimbang

dan berwawasan.

“Dengan tema ‘mensejahterakan kehidupan rakyat’, ramai yang menarik nafas lega apabila Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M) dinaikkan, kakitangan kerajaan berpendapatan rendah diberi bantuan khas, sektor awam dijanjikan kenaikan gaji, malah had kadar pelepasan cukai turut ditingkatkan.

“Namun, semua yang diumumkan Oktober lalu boleh jadi terlalu sensitif untuk dibentangkan semula kepada rakyat berikutan wujudnya tekanan dari pelbagai sudut,” katanya.

Menurut Dr Mohamad Fazli, isu paling sensitif ketika ini adalah kenaikan gaji penjawat awam yang diuar-uarkan terpaksa ditanggung berikutan senario ekonomi semasa.

“Mesej mengenai kenaikan gaji sektor awam mungkin ditangguhkan pada pengumuman penyesuaian se-



MOHAMAD Fazli

mula Bajet 2016 itu semakin viral menerusi aplikasi WhatsApp.

“Ramai kakitangan awam yang mempersoalkan kebenaran mesej berkenaan dan ada juga yang mula menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap pengumuman bajet sebelum ini.

“Inilah sebahagian impak yang harus diambil kira sebelum penyesuaian semula Bajet 2016 diumumkan Khamis ini. Kita tidak mahu wujudkan persepsi negatif berikutan kekecewaan rak-

yat,” katanya.

Jelasnya, isu berkaitan kos sara hidup, pendidikan dan kebajikan yang dibentangkan PM ketika Bajet 2016 Oktober, tahun lalu wajar dipertahankan demi menonjolkan komitmen kerajaan dalam membela nasib rakyat.

“Dalam soal bantuan, kita berharap kerajaan meneruskan BR1M kepada kumpulan sasar dengan mekanisme baru dan tepat.

“Kalau sebelum ini kerajaan beri wang tunai, ada eloknya jika selepas ini BR1M diberikan dalam bentuk kad tambah nilai.

“Penggunaan kad BR1M inilah yang akan menentukan sama ada wang diberi itu digunakan untuk keperluan sepatutnya atau dibelanjakan sewenangnyanya-wenangnyanya,” katanya.

Menyentuh isu pendidikan, Dr Mohamad Fazli berkata, kerajaan perlu mengekalkan peruntukan sedia ada atau menambah geran penyelidikan berimpak tinggi untuk memacu sektor berkenaan.

“Geran penyelidikan ini

penting dalam membantu negara mencapai hasrat melahirkan universiti bertaraf dunia.

“Selain itu, kita juga meletak harapan besar supaya penyesuaian semula Bajet 2016 Khamis ini tidak menjejaskan peruntukan pembinaan rumah mampu milik untuk rakyat.

“Jika perlu, kerajaan mungkin boleh menimbangkan untuk mengehendakan pelaksanaan projek mega yang kurang memberi kesan kepada rakyat,” katanya.

Tambah beliau, penyesuaian semula Bajet 2016 seharusnya menjadi medan berharga kepada kerajaan dalam memenangi semula hati rakyat, terutama dalam isu penguatkuasaan harga serta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

“Inilah masa paling sesuai untuk PM mengumumkan jumlah kutipan GST dan fungsinya dalam membantu mengimbangkan semula ekonomi negara ketika berdepan hambatan ekonomi global,” katanya.

FAKTA

Isu paling sensitif ketika ini adalah kenaikan gaji penjawat awam yang diuar-uarkan terpaksa ditanggung